

## PRESS – PRINT

Publication	Berita Harian	Day/Date	Fri, 10 May 2024
Section	Nasional	Page No(s).	5
Circulation	75,000	Frequency	Daily
Headline	Kerajaan tandatangani kontrak hampir RM9 bilion		

DSA dan NATSEC Asia 2024

# Kerajaan tandatangani kontrak hampir RM9 bilion

Perolehan aset bantu tingkat keberkesanan penguatkuasaan, integriti agensi

Oleh Safeek Affendy Razali dan Suraya Ali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menandatangani kontrak bernilai hampir RM9 bilion sepanjang Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 yang berakhir semalam.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata 12 daripada 14 kontrak berkenaan ditandatangani tiga agensi bawah KDN, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) memabitkan nilai RM1.57 bilion; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) RM529.66 juta dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) RM52.35 juta.

"Kontrak termasuk untuk pembelian aset pengangkutan pelbagai guna untuk PDRM, Kapal Induk PDRM, kamera badan untuk anggota PDRM dan enam unit helikopter untuk kegunaan Maritim Malaysia.

"Semua perolehan ini adalah signifikan sebab enam unit helikopter baharu adalah untuk

membantu tugas kawalan maritim seluas 590,000km persegi akan dapat diurus dengan lebih baik oleh Maritim Malaysia.

"Perolehan unit kamera badan akan meningkatkan tahap integriti PDRM dan berupaya untuk meningkatkan keyakinan orang awam terhadap PDRM," katanya pada sidang media selepas majlis penutup DSA dan NATSEC Asia 2024 di sini, semalam.

Saifuddin Nasution berkata, keberkesanan proses penguatkuasaan undang-undang juga akan dapat ditingkatkan dengan perolehan aset baharu.

"KDN menandatangani keseluruhan kontrak bernilai RM2.156 bilion DSA 2024, satu nilai yang signifikan, tetapi berimpak tinggi yang beri nilai tambah kepada agensi penguatkuasaan," katanya.

### Tandatangani 40 MoU

Sementara itu Kementerian Pertahanan menandatangani 40 memorandum persefahaman (MoU) berjumlah RM7.3 bilion di DSA dan NATSEC Asia 2024 semalam.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata perolehan itu bertujuan memastikan kesiapsagaan angkatan dan keupayaan anggota untuk melaksanakan tugas dan kewajiban menjaga pertahanan dan kedaulatan negara.

"Malaysia bersempadan dengan lima buah negara; Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina.

"Operasi rondaan dilakukan 24 jam, tujuh hari seminggu,



Mohamed Khaled pada sidang media selepas majlis penutup DSA dan NATSEC Asia 2024, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

jadi kita perlu kelengkapan yang boleh bantu anggota jalankan tugas dengan berkesan," katanya.

Beliau berkata kontrak yang ditandatangani termasuk untuk kerja penyelenggaraan, penambahbaikan, pembelian aset dan menggantikan sistem pengurusan trafik udara.

"Melalui DSA dan NATSEC 2024 terdapat banyak keupayaan dan peluang untuk lihat kemajuan teknologi terkini.

"Tentunya ia akan menjadi panduan kita dalam membuat keputusan untuk melengkap dan mengupayakan angkatan tentera dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia menyediakan pavilion untuk dron,

robotik dan dalam DSA NATSEC 2024, terdapat banyak usaha dilakukan oleh pelbagai negara untuk membangunkan pengangkutan tanpa menggunakan manusia (*unmanned vehicles*) sama ada dalam bentuk kapal selam, kapal termasuk kereta perisai.

"Kebanyakan kajian dan penyelidikan dibuat dalam bentuk kecerdasan buatan (AI) untuk tak ada orang atau manusia yang mengendalikan jentera itu, semuanya dilakukan secara tanpa manusia.

"Semua kemajuan teknologi yang saya lihat sangat berkesan melalui penganjuran di sini bagi tujuan untuk kita merangka dan merancang untuk angkatan tentera dalam negara kita," katanya.